

23 JAN 2001

Sukan-Ironman (Mahathir)

IRONMAN BANGKITKAN SEMANGAT YANG BERMAKNA

LANGKAWI, 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semangat juang peserta Kejohanan Ironman Triatlon Malaysia yang akan diadakan di sini Ahad ini akan membangkitkan pengajaran yang bermakna kepada rakyat Malaysia untuk menghadapi cabaran.

"Ia adalah satu penghormatan bagi kita, sekali lagi menganjurkan kejohanan tersebut, yang tidak dapat dinafikan akan membangkitkan pengajaran yang berguna bagi kita semua," kata Dr Mahathir dalam buku cenderahati sempena kejohanan itu.

Dr Mahathir berkata tiada satu pun yang tidak mungkin dicapai dengan disiplin dan keteguhan hati dalam menghadapi cabaran, katanya.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada para peserta Ironman Triatlon 2001 kerana mempamerkan Semangat Waja yang boleh boleh diteladani rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata kejohanan itu sebenar-benarnya mempamerkan keteguhan semangat juang para peserta.

"Untuk berenang, berbasikal dan berlari sejauh 226.2 km melalui darat dan laut dalam tempoh 17 jam adalah satu pencapaian bagi manusia biasa," katanya.

Semasa mengalu-alukan kedatangan para peserta kejohanan itu, Dr Mahathir berkata beliau gembira, kerana dari hanya kira-kira 100 peserta yang menyertai kejohanan itu tahun lepas, jumlah peserta tahun ini telah meningkat tiga kali ganda, dan ini adalah baik untuk sukan dan juga industri pelancongan secara amnya.

Lebih dari 300 peserta dari 32 negara telah mengesahkan penyertaan mereka tahun ini berbanding hanya 120 penyertaan tahun lepas. Kategori profesional disertai oleh 24 lelaki dan 12 perempuan, berbanding masing-masing lima setiap kategori tahun lepas.

Dr Mahathir juga mengucapkan syabas kepada penganjur, Langkawi Ironman Endurance Marathon (LIEM) Sdn Bhd, kerana mempromosikan acara antarabangsa itu, dan meletakkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan di arena antarabangsa.

Kejohanan yang akan berlangsung Ahad ini adalah sebagai pembuka tirai bagi pusingan kelayakan Kejohanan Dunia yang akan diadakan di Hawaii nanti, telah menarik peserta terkemuka dunia termasuk juara dunia kategori wanita Natascha Badmann, pemenang ketiga kejohanan dunia yang lepas Lothar Leder dari Jerman dan juara bertahan Ironman Malaysia Kaoru Matsuda dari Jepun.

Sementara itu, sebanyak 50 wakil pelbagai media dan agensi berita dalam dan luar negara dijangka akan membuat liputan sepanjang kejohanan itu di sini bermula Ahad ini.

Pengurus Besar Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd, Helmy Jaafar berkata, dua wartawan dari Jerman dan masing-masing seorang dari Switzerland, Kanada dan Australia adalah antara wakil media luar negara yang tiba di sini untuk membuat liputan itu.

Liputan kejohanan itu kali ini lebih meluas dengan kehadiran wakil media dan agensi luar negara dan tempatan, katanya ketika ditemui selepas menghadapi mesyuarat jawatankuasa persiapan dan hiasan yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Langkawi Datuk Haji Ismail Hamid di sini hari ini.

Katanya, Pusat Media bagi kejohanan itu juga mula dibuka hari ini di sebuah hotel di sini bagi menyiapkan pas-pas wartawan dan jurugambar.

Mengenai persiapan kejohanan, beliau berkata, ia berjalan lancar dengan kerjasama semua jabatan dan agensi kerajaan termasuk Pejabat Daerah, Majlis

Daerah Langkawi, Jabatan Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Langkawi, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Laut.

Sementara itu, sebanyak 120 peserta dijangka menyertai "Kayuhan Mesra" anjuran Persatuan Basikal Bukit Langkawi di sini pada 25 Jan ini sebagai mempromosikan Kejohanan Ironman Triatlon dan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi 2001.

Presiden persatuan itu, Mansor Haji Ismail berkata peserta-peserta yang menyertai kejohanan Ironman akan dijemput mengambil bahagian bagi memeriahkan kayuhan sejauh 60 kilometer itu yang bermula dari Dataran Lang, Pekan Kuah, Pantai Cenang, Ulu Melaka dan berakhir di tempat permulaan.

-- BERNAMA

ZI NH RI